



**UNIT PEROLEHAN, JABATAN KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN KLUANG**

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi perkhidmatan berikut :-

| Bil | Butir-Butir Tawaran | Tajuk Kerja | Kementerian Kewangan / Tajuk Kod |
|-----|---|--|---|
| 1 | No. Tender : <u>MPK/599/201/T-P/02-24</u> | Perkhidmatan Penyelenggaraan Dan Penjagaan Landskap Serta Kerja Berkaitan Di Jalan Protokol / Utama Dan Sekitar Kawasan Seliaan Majlis Perbandaran Kluang Bagi Tahun 2024 | Kementerian Kewangan – Tajuk Kod : 221002 – Perkhidmatan/Khidmat Kebersihan dan Rawatan Membersih Kawasan ATAU 221003 - Perkhidmatan/ Khidmat Kebersihan dan Rawatan Mengangkat Sampah |

2. Pembelian Dokumen Tender boleh dibuat mulai **24 Januari 2024 hingga 14 Februari 2024** pada waktu operasi pejabat di Kaunter 7, Aras Bawah Wisma Majlis Perbandaran Kluang.

3. Petender diwajibkan membawa dokumen berikut semasa urusan pembelian Dokumen Tender:-

- **Sijil SSM yang masih sah**
- **Sijil KKM (Kementerian Kewangan) yang masih sah**

Petender juga diwajibkan mempunyai **alamat email yang sah** dan hendaklah dinyatakan dengan jelas pada Jadual Dokumen Pembelian yang disediakan. Dokumen tender akan di e-mail dalam tempoh 24 jam dari tarikh pembelian. Sekiranya dokumen tender tidak diterima selepas 24 jam, sila maklumkan kepada pihak kami melalui e-mail unitperolehanmpk@gmail.com pada kadar segera.

4. Dokumen Tender dijual dengan harga **RM 50.00** senaskah (sila sediakan nilai bayaran yang secukupnya, pembayaran yang lebih atau kurang daripada harga Dokumen Tender tidak akan diterima). **Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank atau kiriman wang pos (money order) atau wang kiriman pos berpaling (postal order) dan dibayar atas nama “YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN KLUANG”**.

5. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan dan ditandakan ‘Cadangan Teknikal’ dan ‘Cadangan Kos’ disebelah kiri setiap sampul surat berkenaan. Kemudian kedua-dua sampul surat tersebut dimasukkan kedalam satu sampul besar dan berlakri yang bertulis bil tajuk tender berkenaan di penjurong sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di Kaunter 7, Aras Bawah Wisma MPK sebelum atau pada tarikh tutup tawaran iaitu **14 Februari 2024 (Rabu) jam 12.00 tengah hari**. Tender yang lewat diterima, tidak akan dipertimbangkan.

6. Kontraktor **DIWAJIBKAN** untuk melawat dan meninjau tapak kawasan sebelum memasuki tawaran tender pada tarikh yang ditetapkan iaitu **24 Januari 2024 (Rabu) jam 8.30 pagi**.

7. Petender yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Tarikh Iklan: 17 Januari 2024